



Siaran Media

PENDUDUK PINGGIR ZAABA TAHU BAHAWA RUNDINGAN BAGI PEMBELIAN ATAS DASAR SUKARELA

Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) ingin memberi kenyataan balas terhadap dakwaan bahawa ia telah mengelirukan sekumpulan penduduk dari Pinggir Zaaba di Taman Tun Dr. Ismail (TTDI), Kuala Lumpur berkenaan rancangan pembelian rumah mereka. MRT Corp berhasrat untuk memberi penerangan berdasarkan fakta-fakta berkaitan isu ini.

Latar belakang

1. Isu berkenaan TTDI pada asalnya ditimbulkan oleh sekumpulan penduduk yang lebih ramai. Bantahan awal ini diterima daripada 139 penduduk Pinggir Zaaba (69 pemilik) dan Medan Burhanuddin Helmi (70 pemilik).
2. Kumpulan asal ini telah meminta salah satu daripada tiga perkara berikut:
 - a) penjajaran semula laluan
 - b) pembinaan jajaran di bawah tanah atau
 - c) pemindahan penduduk terbabit.
3. Berkenaan pemindahan kumpulan ini telah meminta dipindahkan ke Taman Rimba dengan rumah-rumah baru dibina di kawasan seluas 25 ekar (terletak bersempadan dengan Bukit Kiara dan TTDI). Cadangan tersebut ditolak kerajaan memandangkan ianya belum pernah dilakukan sebelum ini, malahan Taman Rimba tersebut ialah kawasan simpanan hijau.
4. Sekurang-kurangnya 14 perjumpaan telah diadakan di antara kumpulan penduduk ini dengan kerajaan sebelum MRT Corp ditubuhkan pada September 2011.

Selepas Pembentukan MRT Corp

1. Pengurusan projek ini diambil alih oleh MRT Corp pada Oktober 2011. Dato' Azhar Abdul Hamid telah memutuskan untuk terus berbincang dengan 25 penduduk di Pinggir Zaaba yang paling hampir dengan jajaran. Ini adalah atas dasar ikhsan dan sukarela.
2. Kumpulan yang terdiri dari 25 pemilik kediaman yang terletak 15 meter dari jajaran, bertegas bahawa akibat dari pembinaan dan kehadiran MRT, rumah mereka tidak lagi sesuai untuk didiami.



3. Kediaman di Medan Burhanuddin Helmi berada 74 meter dari jajaran. Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) memisahkan jalan ini dari landasan MRT.
4. 44 buah rumah lain di Pinggir Zaaba, yang merupakan sebahagian dari kumpulan asal tersebut terletak lebih dari 22 meter dari jajaran.
5. Tiada sebarang peruntukan undang-undang yang mewajibkan MRT Corp untuk mengambilalih hartanah terbabit, yang jelas berada lebih dari 6 meter syarat Zon Perlindungan Keretapi. Walau bagaimanapun, atas dasar kerjasama dan ikhsan, MRT Corp bersetuju untuk mengkaji jalan penyelesaian yang mungkin bagi masalah yang dibangkitkan, tertakluk pada kelulusan pihak kerajaan, yang membiayai projek ini.
6. Mandat yang diberikan kepada MRT Corp tidak termasuk hak untuk mengambil alih hartanah. Semua pampasan yang tidak termasuk dalam pengambil alihan mandatori, perlu dirujuk kepada Jawatankuasa Pampasan Khas (SCC).
7. Skop utama SCC dijelaskan seperti di bawah:

“untuk mengkaji dan meluluskan, jika perlu, sebarang jumlah pampasan istimewa yang dicadangkan oleh Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. jika tanah yang diperlukan untuk Projek Klang Valley Mass Rapid Transit tidak bersesuaian untuk diambil alih di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 dan sebarang pampasan istimewa lain yang ditetapkan oleh Jawatankuasa untuk dibayar kepada pemilik tanah atau individu lain yang secara langsung terjejas akibat dari Projek MRT.”

8. Penduduk sememangnya sedia maklum bahawa kata putus tertakluk kepada SCC, dan berbagai komunikasi emel sememangnya telah dibuat bagi menentukan tarikh spesifik untuk membentangkan cadangan kepada SCC.
9. Malah, wakil yang dilantik oleh kumpulan ini, Encik Saleh Mohammed telah menawarkan diri untuk menyediakan kertas cadangan pada mesyuarat yang dihadiri oleh Dato' Azhar, pada 13hb Jun di ibu pejabat MRT Corp.
10. MRT Corp dan kumpulan penduduk ini bersetuju dengan satu penilaian hartanah dilakukan bagi menentukan nilai kewangan bagi dipertimbangkan oleh SCC. Kedua-dua pihak telah bertemu beberapa kali untuk mencapai persetujuan terhadap dasar penilaian dan lain-lain perkara seperti kos pemindahan dan nilai kesengsaraan.



11. Penduduk Pinggir Zaaba menuntut harga premium untuk kediaman mereka, iaitu dengan penilaian dibuat berdasarkan harga hartanah di Taman Zaaba, berada dibelakang Pinggir Zaaba.

Pengubahsuaian Teknikal yang Dilakukan / Sedang Dilakukan Bagi Meringankan Impak

1. Prihatin terhadap kekhawatiran penduduk, beberapa perubahan teknikal telah dilakukan pada reka bentuk jejambat, terutamanya pada bahagian yang merentasi dihadapan rumah-rumah tersebut.
2. Perubahan pada rekabentuk yang dilakukan termasuklah dengan menambah jarak di antara tiang, yang mana telah secara langsung mengurangkan jumlah tiang di hadapan 25 buah rumah berkenaan.
3. Hanya 3 batang tiang akan didirikan di Pinggir Zaaba. Secara khususnya kedudukan tiang-tiang ini adalah di hadapan lorong tepi di antara deretan rumah. Ini bagi memastikan tiada tiang yang berdepan dengan pintu masuk mana-mana kediaman.
4. Ketika proses pembinaan, penghadang akan didirikan bagi melindungi kediaman di Pinggir Zaaba dari debu kerja-kerja pembinaan. MRT Corp sedang meneliti kemungkinan memasang jaring di atas penghadang aluminium tersebut sebagai langkah tambahan bagi mengurangkan pergerakan debu ke kawasan perumahan.
5. Jalan masuk ke kawasan pembinaan adalah hanya melalui LDP, dan bukan dari Pinggir Zaaba. Kenderaan pembinaan masuk hanya melalui LDP, dan bukan dari Pinggir Zaaba. Kenderaan ini juga tidak boleh diletakkan sepanjang Pinggir Zaaba apabila penghadang aluminium diletakkan di sepanjang kawasan pembinaan. Pekerja pembinaan tidak dibenarkan untuk berkeliaran di sekitar Pinggir Zaaba.
6. Kegunaan Pinggir Zaaba sebagai jalan kediaman, akan hanya mengalami perubahan yang sedikit, dan akses buat kenderaan kecemasan seperti bomba dan penyelamat tidak terjejas.
7. Kami telah mencadangkan kepada para penduduk untuk menjadikan Pinggir Zaaba sebagai laluan sehalu sementara, yang menuju ke Jln Leong Yew Koh (dengan kebenaran pihak berkuasa).
8. Pokok-pokok yang ditebang dalam proses pembinaan akan diganti dengan pokok-pokok separa matang yang akan ditanam apabila kerja-kerja selesai.
9. MRT Corp akan menilai keperluan memasang pemantul bunyi pada jambatan yang telah siap, bagi memantulkan bunyi dari kawasan perumahan.



Hal-hal Lain

1. Penduduk Pinggir Zaaba mendakwa bahawa jajaran ini dialihkan dari Damansara Utama ke Pinggir Zaaba. Kami mengesahkan bahawa jajaran yang merentasi TTDI ini tidak pernah ditukar sejak dari fasa cadangan projek sebagai sebahagian dari skim keretapi pada 2010.
2. Jajaran ini dialihkan dari kawasan Damansara Utama ke Pinggir Zaaba bagi mengelakkan pembinaan jajaran merentasi persimpangan Damansara-TTDI di LDP.
3. Pada 16hb Ogos, 2011, MRT Corp telah menerima surat dari peguam yang dilantik oleh penduduk iaitu, Abdul Raman Saad & Associates (ARSA). Surat itu menjelaskan bahawa penduduk ingin mencapai “penyelesaian baik”, dan ARSA akan menghubungi MRT Corp dalam masa terdekat.
4. MRT Corp tidak menerima sebarang komunikasi lagi dari ARSA sehingga jam 10:00 pagi, 28hb Ogos, 2012.
5. Panel peguam MRT Corp sedang meneliti kenyataan dan representasi oleh Puan Norliza Kamarudin ketika sidang media pada hari Jumaat, 24hb Ogos, 2012 di kediaman beliau di Pinggir Zaaba. Sebarang keputusan dan tindakan lanjut berkenaan perkara ini hanya akan dibuat selepas peguam MRT Corp selesai meneliti kenyataan-kenyataan tersebut.
6. MRT Corp mengakui bahawa sebarang projek berskala besar akan menerima tentangan, tetapi menegaskan bahawa kepentingan orang ramai perlu didahulukan.

TAMAT

Lampiran:

- a) Kronologi mesyuarat/perbincangan
- b) Surat dari peguam yang mewakili penduduk

Latar belakang Projek MRT

MRT merupakan sistem pengangkutan rel baru untuk Lembah Klang. Ia adalah sebahagian daripada Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Greater Kuala Lumpur / Kawasan Lembah Klang kerajaan, di bawah Program Transformasi Ekonomi. Laluan Sungai Buloh - Kajang (SBK) adalah sepanjang 51km, dari bandar Sg Buloh di barat laut hingga ke bandar Kajang di tenggara. Apabila siap, ia akan terdiri daripada 31 stesen dan memberi perkhidmatan kepada 1.2 juta orang di sepanjang laluan. Ia juga akan mempunyai integrasi strategik dengan rangkaian pengangkutan rel sedia ada KL, iaitu LRT, Monorel dan KTM Komuter, serta laluan bas intra dan antara bandar. Ini akan menghasilkan kesalinghubungan yang



lebih baik untuk KL dan bandar-bandar sekitarnya, di samping mengurangkan jumlah kereta yang memasuki ibu kota.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Edelman

Maureen Jeyasooriar (maureen.jeyasooriar@edelman.com)

Tel. Mobil: 016 206 4427